

**Jika PR berkuasa, rakyat tak berpeluang pilih BN kembali, kata Dr M  
Malaysian Insider  
6 September, 2012  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 6 Sept — Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada rakyat di negara ini agar tidak memilih Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya akan datang kerana mereka tidak akan berupaya untuk berubah kepada Barisan Nasional (BN) semula apabila PR telah memerintah.

Jelas mantan perdana menteri itu lagi, pilihan untuk "merubah pemimpin" itu juga bukanlah satu tindakan yang baik, sebaliknya mengingatkan berkemungkinan ia langkah yang amat teruk.

"Ada yang kata kita tukarlah (pemimpin) ... cuba yang lain ... kita cuba lima tahun, kalau tidak baik, kita tukar.

"Sekali mereka berkuasa, mereka akan buat untuk rakyat tidak boleh bertukar lagi kepada BN," kata Dr Mahathir (gambar) ketika program sepetang bersama beliau di Pusat Komuniti Bukit Bandaraya anjuran Kelab Pesara Kerajaan Lembah Pantai di sini.

Jelas beliau yang telah berkhidmat selama 22 tahun sebagai perdana menteri, usaha mengubah pemimpin negara itu juga berkemungkinan akan menghancurkan negara ini jika kita hanya memilih mereka yang hanya "ingin menjadi perdana menteri."

"Jika kita menghargai keamanan dan kemakmuran yang kita ada, kita pasti akan dapat lebih lagi daripada pembangunan," kata Dr Mahathir lagi.

"Jadi mereka beritahu semua orang ... ini adalah masanya untuk berubah," katanya.

"Jika kita menghargai keamanan dan kemakmuran yang kita ada, kita pasti akan dapat lebih lagi daripada pembangunan," kata Dr Mahathir lagi.

Kenyataan itu dilihat merujuk kepada bekas timbalannya, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tambah pemimpin itu lagi, kejayaan Malaysia hari ini adalah disebabkan usaha BN memajukan negara ini.

"Kejayaan, keamanan dan kemakmuran negara ini adalah satu "keajaiban" kerana negara ini maju dari segi ekonomi dan juga politiknya berbanding negara-negara lain yang beroleh kemerdekaan seperti kita," katanya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kita-lebih-baik-dari-singapura-so-so-jiran-asean-dan-as-kata-dr-m/>